

- 1) Mengapakah Pelabuhan Pulau Pinang sesuai sebagai pelabuhan persinggahan?
- A. Keselamatan yang terjamin
 - B. Terlindung daripada tiupan angin monsun
 - C. Kawasan tanah tinggi
 - D. Terdapat pelbagai barangan dagangan
2. Pelabuhan yang paling awal dibuka di Pulau Pinang dan dikunjungi oleh pedagang Arab ialah
- A. Batu Feringgi
 - B. Balik Pulau
 - C. Batu Uban
 - D. Pantai Aceh
3. Singapura ialah wilayah Kesultanan Johor Riau yang meliputi Pahang, Johor dan gugusan kepulauan Riau yang ditadbir oleh
- A. Temenggung Abdul Rahman
 - B. Sultan Ismail
 - C. Sultan Abdul Rahman
 - D. Raja Ali Haji
4. Peristiwa berikut berkaitan dengan perjanjian antara Francis Light dengan Sultan Kedah
- 1786 Sultan Abdullah membenarkan Francis Light menduduki Pulau Pinang
- Mengapakah Sultan Abdullah bertindak demikian?
- A. Mengatasi masalah kewangan
 - B. Menghapuskan ancaman lanun
 - C. Memajukan perdagangan
 - D. Mendapatkan bantuan ketenteraan

5

Ilustrasi berikut menggambarkan pertapakan Syarikat Hindia Timur Inggeris di pulau Pinang pada tahun 1786.




Apakah iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa tersebut?

- A Kesabaran dalam tindakan
- B Kesetiaan kepada pemerintah
- C Kebijaksanaan mengelak penjajahan
- D Keberanian dalam menghadapi cabaran

6.

Berikut adalah gambaran pelukis yang menunjukkan Stamford Raffles dan Temenggung Abdul Rahman menandatangani perjanjian pada bulan Januari 1819.



Apakah kesan perjanjian tersebut terhadap Singapura?

- A Penyelesaian masalah kewangan
- B Pemansuhan kuasa pembesar
- C Pelaksanaan Sistem Residen
- D Pertapakan pengaruh British

Soalan Struktur

- 1) Jelaskan faktor-faktor yang menarik minat British untuk menduduki Pulau Pinang?
- 2) Nyatakan tindakan yang diambil oleh Sultan Abdullah apabila merasakan baginda ditipu oleh Francis Light?

3) Pada pandangan anda, apakah kepentingan Singapura kepada British?


1. Perjanjian berikut telah ditandatangani pada tahun 1795 antara Raja Belanda dengan kerajaan British

Surat-surat Kew

Apakah kesan daripada perjanjian tersebut?

- A Perang Napoleon tamat
- B Perancis menguasai Belanda
- C British menduduki jajahan Belanda di Timur
- D British memonopoli perdagangan di Kepulauan Melayu

2. Karikatur berikut menggambarkan perebutan penguasaan Singapura antara British dengan Belanda.



Apakah pengajaran daripada situasi tersebut?

- A Bersatu padu mengekalkan kemerdekaan
- B Bertolak ansur terhadap pendatang
- C Berwaspada terhadap kuasa asing
- D Bermuafakat membuat keputusan

3. Apakah syarat-syarat perjanjian yang ditandatangani antara British dan Belanda pada tahun 1824?

- I. Belanda mengekalkan penguasaannya di Melaka
- II. British menyerahkan Mataram kepada Belanda
- III. Belanda mengiktiraf petempatan British di Singapura
- IV. British tidak akan membuka petempatan baru di Tanah Melayu

- A. I dan III
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

2.

4. Peta 1 menunjukkan pembahagian kepulauan Melayu kepada pengaruh British dan Belanda.




Peta 1

Apakah peristiwa yang menyebabkan pembahagian tersebut?

- A. Perang napoleon
- B. Perjanjian Surat-surat Kew
- C. Perjanjian Inggeris-Belanda
- D. Pembentukan Negeri-negeri Selat

Soalan Struktur

- 1) Nyata kesan Perjanjian London terhadap Alam Melayu?



- 2) Pada pandangan anda , mengapakah kuasa British dan Belanda mengambil keputusan berdamai melalui rundingan?

1. Pada tahun 1826, negeri-negeri dalam Peta 2 telah disatukan oleh British di bawah satu pentadbiran yang dikenali sebagai negeri-negeri Selat.



Mengapakah British menyatukan negeri-negeri tersebut?

- A Memajukan perhubungan
- B Mengurangkan kuasa raja
- C Menjimatkan perbelanjaan
- D Menamatkan pemberontakan

2. Mengapakah Pulau Pinang, Singapura dan Melaka disatukan dibawah satu pentadbiran pada tahun 1826?

- I Mengukuhkan pertahanan
- II Menjimatkan perbelanjaan
- III Menyeragamkan pentadbiran
- IV Mengamalkan perkongsian pakar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



Soalan 1 berdasarkan peta Negeri –
Negeri Selat

a) Apakah wilayah X dan Y?

X

Y

2. Terangkan perkaitan Negeri-
Negeri Selat terhadap
hubunganya dengan negeri-negeri
Melayu.

3. Nyatakan kesan pembentukan Negeri-Negeri Selat terhadap pentadbiran British?

4. Mengapakah British memindahkan pusat pentadbiran Negeri-Negeri Selat di Pulau Pinang ke Singapura

1. Bagaimanakah British mengatasi kelemahan sistem pentadbiran di Negeri-negeri Selat pada 1 April 1867?

- A Memindahkan pusat pentadbiran ke London
- B Melantik Gabenor jeneral
- C Melantik penduduk tempatan sebagai pentadbir
- D Syarikat Hindia Timur Inggeris dibubarkan

2. Apakah peranan Majlis Eksekutif dalam pentadbiran Negeri-negeri Selat?

- A Menggubal Undang-undang
- B Menguruskan pentadbiran
- C Memastikan keamanan negeri
- D Melindungi Gabenor Jeneral

3. Apakah cadangan Pejabat Pentadbiran Negeri-negeri Selat sehingga membawa kepada perpindahan ke ibu pejabat di London?

- i Menggunakan mata wang sepanyol
 - ii Melantik Gabenor yang baru
 - iii Mengenakan cukai pelabuhan
 - iv Menggunakan mata wang rupee
- A i dan ii
 - B i dan iv
 - C ii dan iii
 - D iii dan iv

Soalan Struktur

- 1) Jelaskan faktor perpindahan pusat pentadbiran Negeri-Negeri Selat ke Pejabat Tanah Jajahan London